

13. 7. 1980

DR. MAHATHIR MENGAJI PEMBANGUNAN SABAH DARI DEKAT

OLEH MOHD FIZI

MAHATHIR 1.

SUKAR UNTUK MEMBUAT SEBARANG TELAHAN TETANG APA YANG SEDANG BELIAU FIKIRKAN JIKA DILIHAT DARI AIR MUKANYA.

SECARA FIZIKAL, BELIAU KELIHATAN TERTARIK, KRITIKAL, BERMINAT, MENILAI DAN MEMERHATI SEGALA RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG SEDANG BERJALAN. TETAPI, BAGI SESEORANG PEMERHATI, APA YANG SEDANG DIFIKIRKAN OLEH ORANG YANG KEDUA PALING BERKUASA DI SELURUH NEGARA INI MASIH MENJADI PERSOALAN YANG SUKAR UNTUK MEREKA SELAMI.

DARI SAAT IA MENJEJAKKAN KAKINYA DI LAPANGAN TERBANG KOTA KINABALU PADA 19 JUN SEHINGGA IA BERLEPAS LIMA HARI KEMUDIANNYA DARI LABUAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERJAYA MENYEMBUNYIKAN APA YANG BERADA DALAM PEMIKIRANNYA. 186

LAWATANNYA KE SABAH MEMANG TEPAT PADA MASANYA. INI MEMANG BELIAU SEDARI. SEGALA PEWILAIAN DAN CADANGAN YANG AKAN BELIAU BUAT TERHADAP PEMBANGUNAN NEGERI ITU AKAN MENDAPAT PERHATIAN BERAT APABILA KERAJAAN PUAST MEMBAHAGI-BAHAGIKAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SETERUSNYA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT. MULAI TAHUN DEPAN. —RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG. 0947/MD

MAHATHIR 2 (RENCANA BERNAMA)

OLEH KERANA TERLALU BANYAK PROJEK YANG PERLU DITINJAU OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ISTERI, DATIN SERI DR. SITI HASMAH, SATU RANGKA LAWATAN YANG SIBUK TELAH DIATURKAN MEMBAWA MEREKA KE SELURUH PELUSUK SABAH.

DALAM MASA LIMA HARI ITU, MEREKA BERHELIKOPTER KE SEMBILAN TEMPAT, TUJUH DARIPADANYA JAUH DI KAWASAN PEDALAMAN DIMANA TERLETAKNYA BEBERAPA PROJEK PEMBANGUNAN YANG SEDANG BERJALAN RANCAK.

PROJEK-PROJEK YANG MEREKA LAWATI TERMASUKLAH LADANG TEH DI MELAPAK, LADANG TENUSU DI KUNDASANG, TAPAK SEMAIAN PERHUTANAN DI KOTA BELUD DAN LIMBUNGAN KAPAL DI LABUAN.

SABAH MEMPUYAI HASIL BUMI YANG BANYAK DAN KERANA ITU DR. MAHATHIR BERKATA, +SABAH BOLEH MENJADI NEGERI YANG TERKEMUKA DALAM MALAYSIA MEMANDANGKAN POTENSI SERTA HASIL BUMI YANG BANYAK DAN JIKA PARA PEMIMPINNYA SANGGUP UNTUK MEMBANGUNKANNYA+.

DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI LABUAN, DR. MAHATHIR MENGGARIS-KAN TUJUAN LAWATANNYA SEBAGAI KHUSUS UNTUK MENGAJI LEBIH DEKAT LAGI KEGIATAN EKONOMI DI LUAR BANDAR SERTA MELIHAT KADAR DAN KAEDAH PEMBANGUNAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN NEGERI.

—RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG. 0952/MD

### MAHATHIR 3 (RENCANA BERNAMA)

KATANYA, BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN KESELURUHAN PROGRAM PEMBANGUNAN KERAJAAN SABAH BAGI MENCLONG GOLONGAN MISKIN LUAR BANDAR DAN USAHA MEREKA MEMULAKAN INDUSTRI BARU.

WALAUPUN TIDAK DINYATAKAN DENGAN JELAS TETAPI ADA TANDA-TANDA RASA TIDAK SENANG MAKA BELIAU ENGGAN PENGULAS PERKEMBANGAN POLITIK SABAH AKIBAT CADANGAN USNO MAHU BEKERJASAMA DENGAN PARTI PASUK DAN PARTI BERSATU CINA SABAH (SCCP) MENENTANG BERJAYA DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG. USNO DAN BERJAYA ADALAH ANGGOTA KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

DISEBALIKNYA BELIAU BERKATA, HANYA MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL SAHAJA YANG BOLEH MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN MENGENAI ISU TERSEBUT.

MENGENAI KEGIATAN EKONOMI NEGERI, BELIAU BERKATA, DARIPADA LIMA PERJANJIAN YANG TELAH DITANDATANGANI ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN PEMODAL ASING, PERJANJIAN DENGAN DAEWOO INDUSTRIAL COMPANY DARI KOREA SELATAN ADALAH TERBESAR DENGAN NILAI SEBANYAK \$325 JUTA. JIKA BERHASIL, IA AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN BESAR KEPADA KERAJAAN DAN RAKYAT SABAH.

SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI DI YUNIT PERANCANGAN EKONOMI LEBIH AWAL DARI ITU, BELIAU NAMPAKNYA SEMAKIN MEMAHAMI SEGALA MASALAH KERAJAAN NEGERI DARI SEMUA PERSPEKTIF. —RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG. 0958/MT

### MAHATHIR 4 (RENCANA BERNAMA)

DALAM TAKLIMAT YANG SAMA JUGA, KERAJAAN SABAH TELAH MELUAKKAN SEMUA MASALAH YANG MERINTANGI JALAN KE ARAH PEMBANGUNAN DAN DATUK HARRIS SENDIRI MENJELASKAN APA YANG DIPERLUKAN OLEH NEGERI ITU BAGI MENGATASI RINTANGAN TERSEBUT.

MEMBANDINGKAN SABAH DENGAN LAIN-LAIN NEGERI SERTA SASARAN PEMBANGUNAN YANG CUBA DICAPAINYA, DATUK HARRIS BERKATA, +BAGI SABAH MENYAMAKAN KEDUDUKANNYA DENGAN LAIN-LAIN NEGERI DALAM MALAYSIA, KERAJAAN PUSAT PERLU MENAMBAHKAN PERUNTUKAN SEPERTI YANG DIMINTA+.

PERMINTAAN DATUK HARRIS MEMPUNYAI ASAS YANG TEGUH KERANA NEGERI ITU TELAH MENCAPAI 90 PERATUS DARIPADA SASARAN PEMBANGUNANNYA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DAN +JIKA KADAR INI BERKEKALAN, NEGERI INI AKAN MEMERLUKAN PERUNTUKAN SEPERTI

YANG DIMINTA BAGI RANCANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA KEEMPAT+,  
JELAS BELIAU.

187

SABAH MEMINTA PERUNTUKAN SEBANYAK \$8,770 JUTA BAGI RANCANGAN  
TERSEBUT ATAU TIGA KALI GANDA DARIPADA \$2,798 JUTA PERUNTUKAN  
DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

DATUK HARRIS BERKATA, +SABAH HANYA MEMINTA KIRA-KIRA SEPARUH  
DARIPADA PERUNTUKAN TERSEBUT DARI KERAJAAN PUSAT SEMENTARA  
SELEBIHNYA AKAN DIUSAHAKAN OLEH KERAJAAN NEGERI SENDIRI+.

—RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG. 1005/MD

B506

#### MAHATHIR 5 (RENCANA BERNAMA)

DALAM MASA YANG SAMA JUGA, PERDANA MENTERI, DATUK  
HUSSEIN ONN DIJANGKA AKAN BERLEPAS KE KEDAH IAITU SEBUAH  
NEGERI YANG KETINGGALAN DARI SEGI PERINDUSTRIAN DIMANA BELIAU  
DIBERITAHU BAHAWA NEGERI-NEGERI YANG KURANG MAJU TIDAK PUAS  
HATI DENGAN PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN KERAJAAN PUSAT YANG MEREKA  
SIFATKAN SEBAGAI +MENGUTAMAKAN NEGERI-NEGERI PERINDUSTRIAN+.

SEHARI SEBELUM DATUK SERI DR MAHATHIR BERUCAP DI LABUAN  
DATUK HUSSEIN ONN MENGUMUMKAN PEMBAHAGIAN KEKAYAAN DAN BANTUAN  
KEWANGAN KEPADA NEGERI-NEGERI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA  
KEEMPAT AKAN DIKAJI SEMULA.

DR MAHATHIR PULA BERKATA SECARA RINGKAS DAN TERANG, +ADA KAWASAN  
ATAU GOLONGAN RAKYAT YANG MASIH TIDAK DAPAT MEMPERBAIKI NASIB  
MEREKA DAN KERANA ITU SISTEM PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN KERAJAAN  
PUSAT TERPAKSA DIKAJI SEMULA AGAR KUMPULAN ITU MENIKMATI  
FAEDAH TERSEBUT+.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMUJI RANCANGAN PENGHUTANAN SEMULA NEGERI  
SABAH KERANA HUTAN MERUPAKAN ASET YANG TIDAK TERNILAI  
HARGANYA.

KATANYA, RANCANGAN PENGHUTANAN SEMULA DI NEGERI ITU ADALAH SATU  
LANGKAH KE ARAH YANG TEPAT UNTUK MENGGANTIKAN KAYU BALAK  
YANG TELAH DIBANGUNKAN UNTUK DIEKSPORT. —RENCANA BERNAMA  
BERSAMBUNG 1010/BY

B507

#### MAHATHIR 6 (RENCANA BERNAMA)

ROMBONGAN TERSEBUT JUGA MELAWAT BERBAGAI PROJEK EKONOMI  
KHUSUSNYA YANG BERASASKAN PERTANIAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI  
MODEN DAN DIJALANKAN SECARA BESAR-BESARAN.

SATU DARIPADANYA IALAH LADANG TEH DI NELAPAK YANG DIKATAKAN  
TERBESAR DI SELURUH DUNIA DAN TANAMAN STRAWBERRY DI KUNDASANG,  
LADANG TERNAKAN LEMBU ALA KOBOI DAN SEBAGAINYA.

LIMBUNGAN KAPAL LABUAN JUGA TELAH BERJAYA MEMBINA KAPAL TERBESAR  
DI NEGARA INI BAGI MENGANGKUT LEMBU KERBAU AUSTRALIA BAGI  
PROJEK LEMBU TENUSU DI SINI.

APA YANG PASTI DI SINI IALAH, LAWATAN DATUK SERI DR. MAHATHIR  
BERTUJUAN UNTUK MENKAJI DENGAN LEBIH DEKAT LAGI PEMBANGUNAN  
NEGERI ITU.

BAGAIMANA BELIAU MENGANALISA KEJAYAAN KERAJAAN SABAH DAPAT DILIHAT  
DARI KATA-KATANYA, +MEREKA TELAH MENYEMPURNAKAN TANGGUNG-  
JAWAB DENGAN BAIK+. TETAPI, BERAPA BANYAKKAH PERUNTUKAN YANG  
AKAN DIBERIKAN KEPADA NEGERI ITU DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA  
KEEMPAT MERUPAKAN SATU PERSOALAN BESAR YANG BELUM LAGI  
BERJAWAB. —BERNAMA 1013/BY